



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA),
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TERUS PERTINGKAT
KAPASITI DAN PENDAPATAN MASYARAKAT INDIA MELALUI
PROGRAM PERUSAHAAN LEMBU TENUSU KACUKAN FRESIAN**

Putrajaya, 1 Ogos 2021 – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini bersama dengan YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia telah menyerahkan lembu tenusu Fresian bunting kepada peserta **Program Meningkatkan Kapasiti dan Pendapatan Pengusaha-pengusaha Lembu Tenusu Kaum India 2021** anjuran Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

2. Program ini disertai oleh **200 orang penternak kecil masyarakat India dari negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang akan menerima bantuan 400 ekor** lembu tenusu kacukan Fresian bunting. Turut hadir semasa serahan 12 ekor lembu ini adalah wakil-wakil daripada rakan kerjasama program ini iaitu Dr Maria Jamli, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Johor, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Syarikat Ternakan Kamran Sendirian Berhad.

2. Peserta-peserta dipilih berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MITRA, Kementerian Perpaduan Negara seperti berikut:

- i. Peserta perlu memberi komitmen penuh dalam menjayakan program tersebut dan mempunyai pengetahuan serta pengalaman menternak lembu tenusu sekurang-kurangnya dua (2) tahun;

- ii. memiliki sekurang-kurangnya lima (5) ekor lembu ternakan sedia ada;
- iii. memiliki tapak tanah bagi tujuan penternakan dengan saiz sekurang-kurangnya 120 kaki persegi sama ada tanah milik sendiri atau disewa. Dokumen sokongan perlu dikemukakan sebagai bukti pemilikan/penyewaan;
- iv. berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Pegawai JPV akan membuat pengesahan pendaftaran;
- v. semua peserta diwajibkan untuk menghadiri latihan asas *Animal Husbandry Training* yang merangkumi latihan penjagaan lembu tenusu, pengeluaran hasil tenusu dan penjagaan anak lembu; dan
- vi. menandatangani perjanjian komitmen untuk meneruskan program tersebut. Sekiranya peserta menarik diri maka mereka perlu memulangkan lembu-lembu tenusu tersebut.

3. Datuk Halimah Mohamed Sadique memaklumkan bahawa keseluruhan program ini melibatkan peruntukan MITRA sebanyak RM5,199,600.00 dan dijangka akan meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha penternakan lembu tenusu serta meningkatkan pengeluaran susu negara selaras dengan Dasar Agro Makanan Negara 2030.

4. Menurut beliau lagi, MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara komited untuk melaksanakan tanggungjawab pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India dan akan terus berusaha melaksanakan program-program yang berimpak tinggi dalam mencapai aspirasi untuk

memperkasa dan membangunkan masyarakat India Malaysia ke arah komuniti yang inklusif dan berdaya saing.

Kementerian Perpaduan Negara

1 Ogos 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (xx)